

Produk inovatif Privia

PRIVIA merumuskan rangkaian produk inovatif untuk mengekalkan dan meningkatkan kecantikan semula jadi wanita tanpa mengubah rupa paras. Rangkaian produk terbaru ini termasuk alat solek, rangkaian penjagaan kulit dan wangian mandian.

Produk alat solek yang diperkenalkan terdiri daripada bedak asas yang diperlukan bagi mana-mana solekan. Bedak asas yang dikeluarkan dalam bentuk serbuk dan cecair ialah *skin recovery shiny powder pact*, *skin recovery essential tripart pact*, *clear two-way cake SPF20*, *skin recovery blooming make-up base SPF 15* dan *skin recovery clear liquid foundation SPF 15*.

Kesemua produk ini, sesuai untuk semua jenis kulit tetapi ia mempunyai fungsi yang berlainan



di antara satu sama lain. *Powder pact* membantu meningkatkan keanjalan kulit dan menjadikan kulit lebih gebu manakala *triple pact* pula membantu mengawal sebum serta memberi kesan tahan lama pada kulit agar wajah kelihatan lebih bersih dan berseri.

Selain itu, bedak dwi-fungsi yang mengandungi butiran halus mutiara membuatkan kulit licin berseri dan mampu menyembunyikan kecacatan kulit, pori-pori serta garis halus.

Sementara itu, produk penjagaan kulit pula membantu mengekalkan kebersihan dan kesegaran kulit. Ia didatangkan dalam empat jenis iaitu gel *perfect magic peeling*, buih pembersih *clear mild*, buih pencuci *perfect pure*, dan krim pembersih *perfect deep*. Keempat-empat produk ini, berfungsi sebagai ejen pembersih muka yang membantu menanggalkan sel-sel mati untuk mempercepatkan pembaharuan kulit serta menanggalkan solekan asas dan khusus.

Story shower perfume juga merupakan salah satu produk baru yang digunakan selepas mandi bagi memberi kesegaran kepada badan. Produk-produk terbaru yang diperkenalkan ini dijual pada harga RM32 sehingga RM80.

